

KLCC Stapled Group catat premium 43 sen

Dana amanah pelaburan hartanah (REIT) 'staple' berlandaskan syariah pertama seumpamanya di Malaysia, KLCC Stapled Group mencatat premium 43 sen atau 5.93 peratus pada kemunculan sulungnya di Pasaran Utama Bursa Malaysia, semalam.

Kaunter REIT itu dibuka pada RM7.45, naik 20 sen berbanding harga terakhir saham KLCCP sebelum dagangan digantung bulan lalu iaitu RM7.25, yang menjadi harga rujukan penyenaiaannya.

Urus niaga sahamnya berakhir pada harga RM7.68 semasa penutup jam 5.00 petang dengan menyaksikan 3.04 juta saham diniagakan.

KLCC Stapled Group adalah gabungan antara KLCCP dan KLCC Property Real Estate Investment Trust (KLCC REIT) yang membentuk REIT terbesar di Malaysia.

Kumpulan hartanah terbesar

Gabungan itu juga menjadikannya antara kumpulan hartanah terbesar di Asia dengan aset bernilai lebih RM15 bilion.

REIT 'staple' ialah dana amanah hartanah yang mana unitnya dikembarkan bersama saham syarikat penajanya.

Ketua Eksekutif KLCCP, Hashim Wahir, berkata pemegang saham KLCCP kini memiliki saham dan unit dalam syarikat itu yang dikembarkan dengan KLCC REIT yang baru ditubuhkan.

Beliau berkata, gabungan saham dan unit kedua-dua syarikat berkenaan disenarai serta diniagakan sebagai satu sekuriti yang dikenali sebagai KLCCP Stapled Group.

Tambahnya, penstrukturan semula itu membolehkan Menara Berkembar PETRONAS, Menara 3 PETRONAS dan Menara ExxonMobil ditempatkan di bawah KLCC REIT dengan baki aset lain iaitu Suria KLCC, Menara Dayabumi serta Mandarin Oriental Hotel kekal di bawah KLCCP.

"Kami bersedia berunding mengenai aset yang kini diletakkan di bawah KLCCP supaya turut disuntik ke dalam REIT itu," katanya kepada pemberita selepas majlis penyenaiaan KLCCP Stapled Group di Kuala Lumpur, semalam.

FAKTA NOMBOR

20 sen

kenaikan harga berbanding harga terakhir saham KLCCP sebelum dagangan digantung bulan lalu